

09 OCT 2000

Najib - Hasut

RAKYAT TIDAK HARUS TARIK ORANG LUAR CAMPUR TANGAN URUSAN NEGARA

LUMUT, 9 Okt (Bernama) -- Warga negara yang bermaruah tidak akan menarik orang asing untuk mencampuri urusan dalam negara, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak hari ini.

Beliau berkata, "Sebaliknya jika ada perbezaan politik, mereka perlu menyerahkannya kepada rakyat untuk ditentukan dalam proses demokrasi dalam negara kita."

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila diminta mengulas tindakan parti pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara ini, yang dikenal pasti menggunakan platform antarabangsa untuk memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada persidangan berita selepas merasmikan seminar mengenai Dasar Pertahanan dan Keselamatan Negara di sini, Najib berkata, "Mereka sanggup bawa politik mereka ke peringkat antarabangsa sehingga tindakan mereka boleh mencemar nama baik PM dan imej negara."

"Sebenarnya jika mereka merupakan warga negara yang fikir tentang maruah negara, mereka tidak harusnya menarik orang lain untuk mencampuri urusan dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata kalau di luar negara, rakyat negara ini seharusnya menunjukkan sikap yang baik dan positif terhadap negara, dan tidak menyampaikan berita-berita negatif tentang negara, terutama sekali fakta yang diselewengkan untuk tujuan politik mereka.

"Ini akan timbul sikap tidak senang pihak tertentu di luar negara terhadap negara kita," katanya.

Najib berkata kerajaan terpaksa bertindak melalui usaha yang lebih gigih di peringkat antarabangsa, bukan sahaja mengadakan majlis penerangan kepada pelajar Malaysia di luar negara, tetapi juga menghadiri forum-forum antarabangsa untuk menghuraikan pendirian kerajaan dalam pelbagai isu.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan rombongan yang tetap untuk berjumpa para pelajar negara dengan memberikan tumpuan dalam jangka waktu yang lebih lama bagi setiap kelompok pelajar yang dikenal pasti.

"Dengan ini, diharapkan para pelajar kita di luar negara akan dapat berita dan penerangan sejelasa mungkin," katanya.

-- BERNAMA.

HK RI